



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : **Pegawai Penerangan Gred S9**
(b) Kementerian / Jabatan : **Pihak Berkuasa Peranti Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia**
(c) Kumpulan Perkhidmatan : **Pengurusan dan Professional**
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : **Sosial**
2. Bilangan Kekosongan Jawatan : **1 jawatan**
3. Gaji Yang Ditawarkan : **RM 3,150.00 minimum**
4. Syarat Lantikan : (a) Warganegara Malaysia;
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(c) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan;
(d) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (RM 3,150.00) atau;
(e) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (RM 3,370.00) atau;
(f) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Komunikasi Massa yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (RM 3,370.00) atau;
(g) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Sains Kemasyarakatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (RM 3,370.00).
5. Taraf Jawatan : **Contract For Service (CFS)**
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Penerangan Gred S9 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

- 7. Fungsi Bidang Tugas** :
- i. Mengawal selia media sosial jabatan.
 - ii. Menghasilkan rekaan grafik untuk kegunaan kandungan media sosial jabatan.
 - iii. Membuat suntingan video.
 - iv. Mengurus dan membuat rakaman video.
 - v. Mengawal selia dan menguruskan perkhidmatan langganan e-mel berbayar.
 - vi. Menyelaras Buku Laporan Tahunan.
 - vii. Mengurus dan menyelaras Program Kesedaran.
 - viii. Mengurus dan menyelaras acara reruai yang dianjurkan dan disertai oleh pihak jabatan.
 - ix. Mengurus dan mengawal selia sistem aduan yang berkaitan dengan jabatan.
 - x. Menyelaras dan menyediakan Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan.
 - xi. Menghasilkan rekaan kandungan buletin jabatan.
 - xii. Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran korporat dan media.

- 8. Cara Memohon** : Pemohon dikehendaki untuk melengkapkan borang permohonan dan memuat naik dokumen melalui pautan di bawah.

<https://forms.gle/5aoQvhKgv5yLXshF9>

Atau scan QR kod berikut;



- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

9. Tarikh Tutup Permohonan : 23 Disember 2025 (Selasa) jam 3.00 petang

NURUL AINI BINTI SURIP

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh: 5 Disember 2025